

UCAPAN

YBHG. DATIN RAFIDAH IDRIS
PENGARAH KANAN BAHAGIAN DOMESTIK DAN ACARA

MEWAKILI
YBHG. DATUK KETUA PENGARAH, TOURISM MALAYSIA

Sidang Media Pantai Timur Fest 2025
 3 September 2025 | 3:00 Petang
 The Pacific Grill, Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
 Salam Sejahtera, Selamat Petang dan Salam Malaysia Madani.**

SALUTASI

YBRS. IS. LT. KOL. (PERTAHAN AWAM) TUAN RAZMI RAHMAT
 ACTING GENERAL MANAGER, SERI PACIFIC HOTEL KUALA LUMPUR

YBHG. DATO' FREDDIE FERNANDEZ
 PRESIDENT PERSATUAN KARYAWAN MALAYSIA

YBHG DATO' HJH. ROZZANA RAHMAT

MADAM LOGES HARIRRISHNAN
 KL HOP ON HOP OFF

RAKAN-RAKAN MEDIA,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG HORMATI SEKALIAN.

1. Saya mewakili Ketua Pengarah Tourism Malaysia yang sedang bertugas rasmi di Negeri Sembilan ingin menyampaikan salam kepada semua yang hadir.
2. Terima kasih di atas kehadiran YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan pada petang yang berbahagia ini.

3. Bagi pihak Tourism Malaysia, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Seri Pacific Hotel Kuala Lumpur di atas kolaborasi strategik ini dan juga kepada rakan-rakan strategik yang lain termasuk Tourism Pahang, Tourism Terengganu, Tourism Information Centre (TIC) Kelantan dan semua yang terlibat dalam penganjuran Pantai Timur Fest 2025.

Hadirin yang dihormati,

4. Penganjuran Pantai Timur Fest 2025 akan mengetengahkan citarasa asli Pantai Timur selain warisan, budaya, seni, kraf serta aktiviti masyarakat tempatan. Para pengunjung festival berpeluang mengenali keunikan Pantai Timur melalui hidangan tradisional, persembahan kebudayaan dan hasil kraftangan yang unik.
5. Selain itu, festival ini juga dianjurkan bertujuan mengangkat Wilayah Pantai Timur sebagai destinasi pelancongan unggul, memperluas capaian pelancong domestik dan antarabangsa serta memperkukuh jaringan kerjasama dengan pihak industri dan media. Sememangnya negeri-negeri di Pantai Timur seperti Pahang, Kelantan dan Terengganu, menjadi tumpuan utama kepada tarikan ekopelancongan, budaya serta destinasi percutian keluarga.
6. Festival ini juga secara tidak langsung menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia, khususnya pelancong dari Lembah Klang, untuk merancang **road trips** atau **percutian memandu sendiri** (self-drive) ke Pantai Timur dengan ketersediaan hubungan lebuh raya yang selesa sambil menikmati keindahan pemandangan.
7. Malah, golongan belia dan pelancong muda (youth travellers) turut digalakkan menjadikan Pantai Timur sebagai destinasi pilihan kerana selain menawarkan gastronomi dan budaya, rantau ini juga meriah dengan pelbagai acara komuniti dan gaya hidup popular seperti penganjuran acara RXZ Member, Havoc Food Festival, Festival Kopi Kemaman, Makar Fest Kelantan, Pasar Hipster – Local Ganu Market serta program-program kreatif anjuran Yaya Empire.
8. Bagi segmen korporat pula kami menggalakkan mesyuarat di luar pejabat atau 'off shore meetings' dianjurkan di Pantai Timur yang bukan sahaja damai malah tidak sibuk dengan kesesakan lalu lintas.

Hadiri yang dihormati,

9. Pantai Timur Fest 2025 juga bakal membawa pendekatan secara langsung kepada komuniti setempat seiring dengan inisiatif untuk menggalakkan pelancongan domestik dan menjadi pra-promosi dalam membina momentum ke arah menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) sekali gus menonjolkan kesiapsiagaan Malaysia menjadi hab pelancongan yang dinamik.
10. Tourism Malaysia melihat penganjuran acara seperti ini sebagai satu langkah penting dan memberi limpahan manfaat kepada semua segmen pelancongan termasuk niche tourism seperti ekopelancongan, pelancongan budaya, serta gastronomi. Pada masa yang sama, ia turut memberi penekanan kepada aspek eco-friendly dan budaya tempatan yang kini menjadi keutamaan pelancong global.
11. Menariknya, pada bulan Oktober akan datang, Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah kepada dua acara antarabangsa berskala besar yang berlangsung di World Trade Centre, bersebelahan dengan Seri Pacific Hotel. Malaysia Pharma & Healthcare Expo yang akan berlangsung pada 7 hingga 9 Oktober menghimpunkan 130 pempamer antarabangsa, manakala Malaysia International Water Convention pada 14 hingga 16 Oktober mempertemukan lebih 3,000 peserta termasuk 247 delegasi antarabangsa.
12. Pada minggu yang sama, Tourism Malaysia turut akan menganjurkan Global Meet 2025, persidangan pelancongan antarabangsa pada 1 hingga 3 Oktober 2025, serta Mesyuarat bersama Pengarah Pejabat Luar Negara dan Pejabat Wilayah yang turut berlangsung di WTC.
13. Kehadiran ribuan peserta global ini menjadikan Pantai Timur Fest 2025 sebuah medan strategik berimpak tinggi untuk memperkenalkan keindahan dan keunikan Pahang, Terengganu, dan Kelantan terus kepada pasaran antarabangsa. selain mampu menjadi landasan penting bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi wajib untuk dikunjungi oleh semua.

Hadirin sekalian,

14. Saya menyeru semua rakan industri untuk terus berganding bahu dengan Tourism Malaysia bagi mempromosikan Malaysia, khususnya Pantai Timur, sebagai destinasi pilihan utama.
15. Kepada rakan media, sokongan anda amat penting untuk memberikan liputan meluas mengenai festival ini, sekali gus membantuewartakan keunikan Pantai Timur secara berterusan (from time-to-time) kepada seluruh rakyat Malaysia, malah ke peringkat antarabangsa.
16. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang menjayakan Pantai Timur Fest 2025. Tourism Malaysia akan terus menyokong penganjuran acara sebegini sebagai usaha bersama memacu pelancongan negara.
17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya, menyempurnakan Pra-Pelancaran Pantai Timur Fest 2025.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

-Tamat-